

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

21 MAC 2019

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	SUNGAI NADI KEHIDUPAN, BUKAN UNTUK DICEMARI	2
BERITA HARIAN	KERAJAAN TELITI SEMULA GARIS PANDUAN MOHON LESEN KILANG KIMIA	3
KOSMO	46 LOKASI DI PASIR GUDANG TERCEMAR	4
THE STAR	NO TOXIC GAS DETECTED AT 46 SITES	5



BERITA HARIAN

Sungai nadi kehidupan, bukan untuk dicemari

21/3/2019
(Berita Harian)

Dari Kaca Mata



Dr. Shahino Mah Abdullah

Felo Penyelidik di Institut Kajian Islam Antarabangsa (AKIS) Malaysia

Su pencemaran sisa racun perosak dari kebun, sisa kumbahan penternakan dan sisa kimia kilang menjadi semakin meruncing dan amat membimbangkan di negara kita.

Antara kawasan terjejas dengan begitu ketara adalah kawasan tadahan air Cameron Highlands di Pahang dan yang terbuang Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor. Ada individu tidak bertanggungjawab, bertahun-tahun mengusahakan kebun haram secara berleluasa sehingga menjejaskan Sungai Terla dan Sungai Ichat di Cameron Highlands.

Sungai ini adalah sumber air utama bagi kawasan tadahan Kuala Terla untuk kegunaan penduduk di sekitar Cameron Highlands. Selain sampah sarap, sisa racun perosak yang terlarang turut dijumpai di kawasan sungai berkenaan. Kajian pihak UKM ke atas sampel air sungai berkenaan telah menemui kandungan racun berbahaya seperti endosulfan, endorine ketone, aldrin dan DDE yang iaitu pencemar organik yang akan kekal dalam alam sekitar.

Sisa ini dikhuatiri akan masuk ke dalam rantai makanan dan akan menjejaskan kesihatan penduduk berhampiran. Air sungai berkenaan sudah terjejas dan dikelaskan sebagai kelas lima iaitu tercemar teruk dan tidak dapat dimanfaatkan. Penduduk sekitar amat terkesan apabila air yang sampai ke kediaman mereka keruh dan tidak layak akan kebersihannya.

Di Johor, pencemaran Sungai Kim Kim menjejaskan majoriti penduduk

di sekitar Pasir Gudang termasuk pelajar dan pasukan penyelamat. Keputusan analisis ke atas sampel dari sungai berkenaan menemui kandungan pelarut organik seperti benzene, toluene, xylene, ethylbenzene dan dimonene.

Penyebaran gas metana

Sisa buangan kimia yang dipercayai berasal dari kilang itu, menyebabkan penyebaran gas metana secara meluas di kawasan Pasir Gudang. Gas metana adalah gas rumah hijau yang amat kuat, ia tidak dapat dikesan dengan mudah kerana tidak berwarna dan tidak berbau.

Meskipun pada asalnya ia tidak bertoksik, gas yang mudah terbakar ini boleh menyebabkan manusia muntah-muntah, tidak sedarkan diri sekiranya terhidu dalam kuantiti banyak, dan boleh membawa maut disebabkan kekurangan gas oksigen dalam badan.

Selain itu, gas berbasid hidrogen sianida yang sangat bertoksik turut dikesan sehingga kawasan Tanjung Puteri. Jumlah keseluruhan penduduk yang mendapatkan rawatan menjangkau lebih 4,000 orang. Semua 111 sekolah dan beberapa institusi pengajian tinggi di Pasir Gudang diarahkan tutup sehingga keadaan udara persekitaran disahkan kembali selamat.

Isu pencemaran di kedua-dua tempat yang disebutkan di atas sebenarnya sudah bermula lebih awal. Apabila sungai tidak lagi mampu menampung sisa buangan yang terlalu banyak, penduduk sekitar terpaksa menanggung kesannya hari ini.

Sebagai langkah pemulihan, proses pembersihan dijalankan oleh pihak berkuasa dan ia masih lagi diteruskan. Pihak sekolah juga turut terlibat dalam pembersihan kawasan sekolah sebelum ia selamat digunakan semula oleh pelajar dan guru.

Sementara itu, siasatan lanjut oleh pihak polis dan agensi berkenaan masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti pihak yang terlibat. Sebagai rakyat

yang prihatin, kita sewajarnya memberikan masa dan ruang kepada pihak yang terlibat supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik dan mendoakan mangsa yang terkesan agar kembali pulih seperti sedia kala.

Pihak kerajaan turut berharap agar sungai ini dapat dibersihkan segera dan kembali ke paras selamat seperti sebelumnya. Sebenarnya, sungai adalah hak bersama yang patut dihormati dan dipelihara untuk generasi akan datang.

Sungai yang sedia ada ini tidak akan terjejas sekiranya tiada tangan-tangan pelaku yang mencemarnya. Namun, perbuatan mencemarkan sungai sering diambil ringan dan langkah menjeranya sering dipandang remeh. Ini salah satu kesalahan manusia terhadap alam sekitar yang dilakukan dengan sengaja.

Kesedaran masyarakat

Oleh yang demikian, semua lapisan masyarakat perlu mempunyai kesedaran akan pentingnya penjagaan sungai sebagai nadi kehidupan manusia, dan menaruh rasa tanggungjawab dalam mengekalkan kebersihan sungai yang ada.

Menjaga kesejahteraan sungai adalah salah satu usaha pemeliharaan alam sekitar (hiif al-bi'ah) yang juga kesinambungan matlamat tertinggi syariah (maqasid al-syariah) dalam menjaga setiap perkara yang dapat memberi manfaat kepada seluruh manusia (maslahah).

Rakyat Malaysia secara umumnya, perlu aktif menjaga alam semula jadi, terutama mengekalkan kebersihan sungai kerana ia sentiasa menyalurkan sumber kehidupan, iaitu air, kepada kita. Air yang kita minum dan gunakan untuk kebersihan, adalah elemen kehidupan yang sangat penting dalam diri seorang Muslim khususnya, bagi tujuan ibadah dan menjadi manusia yang lebih baik.

Nilai ini dapat dilihat melalui cara kita bertindak terhadap setiap budaya di sekeliling kita, termasuk cara kita menjaga alam sekitar.



BERITA HARIAN

Kerajaan teliti semula garis panduan mohon lesen kilang kimia

Pasir Gudang: Kerajaan akan meneliti semula garis panduan permohonan dan pembaharuan lesen kilang membabitkan penggunaan serta pelupusan bahan kimia berbahaya di negara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan pada peringkat Kabinet berhubung perkara itu bagi mengelak insiden pencemaran Sungai Kim Kim, di sini, berulang.

Katanya, perkara itu akan dilakukan selepas pihaknya selesai mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhubung operasi di Sungai Kim Kim.

"Selepas ini, Kementerian akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama PBT dan JAS bagi

menambah baik piagam, operasi dan pemantauan kilang membabitkan penggunaan dan pelupusan sisa kimia.

"Itu (bawa ke peringkat Kabinet dan Parlimen) memang dalam tindakan selanjutnya apabila saya sudah duduk (mesyuarat) dengan PBT dan ini perkara yang akan kita berikan penetapan dan (sediakan) garis panduan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Pusat Rawatan Awal dan Pos Kawalan Bomba (PKB) di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

JAS pantau 250 kilang

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid dan Pengarah JBPM negeri, Datuk Yahaya Madis,



Zuraida (tengah) beramah mesra dengan petugas ketika melawat Pusat Rawatan Awal di Stadium Tertutup MPPG, semalam.

Zuraida berkata, MPPG dan JAS turut diarah melakukan pemeriksaan dan pemantauan terhadap semua 250 kilang yang menggunakan bahan kimia di Pasir Gudang bagi mengelak insiden pencemaran berulang.

"Peralatan atau mesin digunakan kilang perlu dipantau keberkesanan operasinya kerana ada tempoh mungkin enam bulan ia tidak dapat beroperasi lagi dengan baik dan mungkin ada kebocoran sehingga sisa buangan terutama bahan kimia mengalir ke sungai," katanya.

Katanya, dalam operasi Ops

Sungai Kim Kim yang bermula sejak 7 Mac lalu, seramai 153 pegawai dan anggota JBPM, termasuk 70 pakar Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dari seluruh negara berkampung di Pasir Gudang sehingga hari ini.

Tiada kematian dilaporkan

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, 5,848 pesakit dirawat bagi kes pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, sejak 8 Mac lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 951 pesakit dimasukkan ke wad

sementara dan 25 pesakit lagi ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

Katanya, sejak 8 Mac lalu, Kementerian menggerakkan 762 kakitangan bagi mengendalikan kejadian berkenaan.

"Kita bersyukur kerana tiada kematian dalam kes itu dan keputusan tidak diisytiharkan darurat juga wajar serta tepat.

"Rakyat mahu penjenayah yang membuang sisa toksik di sungai itu diambil tindakan dan dihernet ke muka pengadilan," katanya selepas melancarkan Sambutan Hari Kesihatan Pergigian Sedunia 2019, semalam.

FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN / BH



KOSMO

Kawasan baharu dikenal pasti, namun tidak hasilkan gas toksik berbahaya

46 lokasi di Pasir Gudang tercemar

(Kosmo - khamis 21/3/2019)

Oleh SHARKAWI LONDING

ISKANDAR PUTERI – Jawatankuasa Sainifik yang ditubuhkan bagi menangani isu pencemaran Sungai Kim Kim mendedahkan sebanyak 46 lokasi baharu di kawasan perindustrian Pasir Gudang dikesan berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, kawasan itu dikenal pasti susulan kajian dilakukan oleh Jawatankuasa Sainifik berkenaan yang menggunakan data imej satelit ke atas keseluruhan kawasan Pasir Gudang.

Bagaimanapun, katanya, semua lokasi itu disahkan tidak menghasilkan gas toksik berbahaya yang boleh menyebab-

kan keracunan seperti insiden pencemaran Sungai Kim Kim.

“Kita gunakan data satelit di seluruh kawasan Pasir Gudang termasuk sepanjang 9 kilometer Sungai Kim Kim dan daripada imej satelit itu, ada 46 lokasi berpotensi berlakunya pencemaran.

“Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus memeriksa 46 lokasi tersebut dan mendapati lokasi itu bukan sumber atau punca kepada berlakunya kes keracunan beramai-ramai yang berlaku ini.

“Contohnya, tempat pembuangan sampah haram adalah satu pencemaran tetapi ia tidak akan mengakibatkan keracunan semampai ini. Jadi, apabila kita periksa 46 lokasi tersebut, kita dapat tiada gas beracun yang sama seperti diperoleh dalam insiden pencemaran Sungai Kim Kim,” katanya.



KERATAN Kosmo! semalam.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Pembentangan Laporan Jawatankuasa Sainifik Pencemaran Sungai Kim Kim di Kota Iskandar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Bee Yin berkata, penemuan tong biru di Sungai Selangkah dan Sungai Masai, Pasir Gudang semanginya mengundang kepada berlakunya pencemaran, namun ia tidak menghasilkan gas beracun.

Jelasnya, pemeriksaan sudah dijalankan dan alat pengesan



BEE YIN menyampaikan taklimat kajian mengenai pencemaran Sungai Kim Kim di Bangunan Dato Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Johor semalam.

gas tidak menunjukkan kehadiran gas beracun.

“Memang ada tong biru, tetapi bila periksa, tiada kehadiran gas beracun.

“Bila berlaku pencemaran, memang kita akan bersihkan.

Gas beracun boleh dikesan menggunakan alat pengesan dan kita boleh tahu kehadiran gas ini serta-merta. Sampel bahan kimia itu kita tetap ambil dan hantar untuk analisa Jabatan Kimia,” ujarnya.



THE STAR

4 Nation

The Star 21/3/2019

THE STAR, THURSDAY 21 MARCH 2019

No toxic gas detected at 46 sites

Special committee using drone to scour more areas with pollution potential



By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

ISKANDAR PUTERI: A total of 46 sites with pollution potential have been detected in Pasir Gudang but none are emitting toxic gases, says Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin.

She said the sites included a domestic landfill and a scheduled waste centre located within the Pasir Gudang industrial area.

"This is one of the findings by the scientific committee formed to look into the chemical dumping at Sungai Kim Kim.

"The committee uses satellite data and a drone to scour the whole of Pasir Gudang to identify all possible dumping locations.

"We hope that the state government and local authorities will take action by cleaning the identified locations," she said after a brief-

ing session on the Sungai Kim Kim crisis yesterday.

Yeo also said the ministry would strengthen its agencies' enforcement units to prevent a repeat of the incident.

"Besides that, we will be making amendments to the Environmental Quality Act 1974, where we will be getting views and feedback on the matter.

"We hope that once everything is done, we will be able to table it in parliament before the end of this year," she added.

Johor Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal, meanwhile, said the medical base at Pasir Gudang Municipal Council Indoor Stadium and the Disaster Management Committee operations centre in Menara Aqabah had been closed.

"However, the relevant agencies will continue monitoring the situation.

"Those who still feel symptoms such as eye irritation, nausea, vomiting, shortness of breath and dizziness are advised to seek early treatment at nearby hospitals and clinics," he said.



Extensive effort: A worker in a protective suit collecting soil, water and sludge from a river under a bridge near Sungai Sembilan at Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang.

Watch the video
thestartv.com

